



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI



KOLEJ KOMUNITI
PENAMPANG



**SIJIL
PENGOPERASIAN
PERNIAGAAN**

**EDISI 1.2023
BUKU PROGRAM**

Buku Program
Sijil Pengoperasian Perniagaan
Kolej Komuniti Penampang
Edisi 1.2023

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, samaada tulisan atau ilustrasinya dalam apa jua bentuk teknik secara elektronik, fotokopi, mekanik dan lain-lain kecuali mendapat kebenaran daripada penerbit.

e ISBN 978-967-16792-2-7



Diterbitkan oleh:

Unit Jaminan Kualiti dan Akreditasi, Kolej Komuniti Penampang
Lot 5-8 Blok B, Jalan Ramayah-Putatan, 89500 Penampang, Sabah
Tel : 088-760 951 Faks : 088-760954

PENGHARGAAN

Penaung

DR. MELVIN MOJIKON, A.D.K.

Pengarah
Kolej Komuniti Penampang

Penasihat

CORINE BINTI AHLAI @ ERIC

Timbalan Pengarah
Kolej Komuniti Penampang

Pengarah program

TUAN RAKIZA BINTI TUAN MAHMUD

Ketua Unit Jaminan Kualiti dan Akreditasi

Editor

MOHAMED RAFIQ BIN GHAZALI

FEUNA ANASIUS JOITUN

DG NURSHAZANA BINTI DAUD

NURUL FARHANA BINTI RAMLI

HANAFAH BINTI AB RAHMAN

ISI KANDUNGAN

i	Isi Kandungan
1	Perutusan Pengarah
2	Pengurusan Tertinggi
3	Sejarah
4	Visi Dan Misi
5	Nilai Teras
6	Falsafah Pendidikan
9	Sijil Pengoperasian Perniagaan
10	Kata Aluan Ketua Program
12	Tenaga Pengajar
12	No. Pendaftaran MQA
12	Kod NEC
12	Kod QR (MQR)
12	Sijil Akreditasi
12	Tahap / Mod Pengajian
12	Prospek Kerjaya
13	Sktruktur Penilaian
13	Sistem Gred
14	Hala Tuju Pendidikan
15	Matlamat Program
15	Objektif Pendidikan Program (PEO)
15	Matlamat Pembelajaran Program (PLO)
16	Struktur Kursus
18	Maklumat Kursus
25	Pendidikan Berasaskan Hasil
26	Pemetaan: Kursus Dan Hasil Pembelajaran Program
27	Panduan Bagi Taksonomi Pengajaran Dan Pembelajaran
30	Maklumat Am
31	Pemindahan Kredit Dan Pengecualian Kursus
33	Kemudahan Pengajaran Dan Pembelajaran
34	Kemudahan-Kemudahan Lain
35	Pertanyaan Am
36	Lagu Kolej Komuniti

PERUTUSAN PENGARAH KOLEJ KOMUNITI PENAMPANG

Salam sejahtera pelajar sekalian,

Selamat Datang ke Kolej Komuniti Penampang (KKPPG), Pertamanya saya bagi pihak seluruh warga KKPPG merakamkan ucapan tahniah & syabas kepada pelajar yang telah berjaya mendapat tempat di KKPPG.

Semasa Saudara/Saudari memulakan fasa perjalanan akademik yang seterusnya, Saudara/Saudari akan terlibat, dicabar, dan disajikan dengan banyak peluang untuk maju ke hadapan seperti di bilik kuliah, makmal, lapangan, atas pentas, studio, bekerja dan belajar dalam komuniti.

Kami mendorong dan menyokong Saudara/Saudari untuk menjadi ahli aktif komuniti KKPPG. Kami komited untuk memelihara persekitaran cemerlang KKPPG dalam pengajaran dan pembelajaran sambil bekerjasama dengan Saudara/Saudari untuk memastikan pengalaman di kolej yang memuaskan. Pengalaman hebat yang Saudara/Saudari miliki di KKPPG akan memberi asas kepada peluang dan cabaran yang menanti setelah tamat pengajian.

Buku Program Sijil Pengoperasian Perniagaan Kolej Komuniti Penampang adalah rujukan rasmi yang menentukan jangkaan institusi untuk kehidupan pelajar di institusi. Ini adalah panduan, dasar dan amalan yang membolehkan Saudara/Saudari dan institusi bekerjasama antara satu sama lain untuk bertindak balas dengan hormat terhadap konflik antara satu sama lain dan untuk menyelesaikan permasalahan dengan cara yang menekankan pembelajaran dan akauntabiliti peribadi. Rujukan penting ini mengandungi maklumat yang diharapkan dapat membantu pelajar Kolej Komuniti Penampang dalam program Saudara/Saudari. Saya harap Saudara/Saudari mengambil banyak peluang untuk membiasakan diri dengan kandungan penerbitan ini.

Bagi pihak kakitangan institusi, kami mengucapkan selamat menjalani pembelajaran Saudara/Saudari dengan cemerlang dan kami berharap dapat turut serta bersama anda dalam acara dan program khas yang menjadikan Kolej Komuniti Penampang sebagai komuniti pembelajaran yang unik.

DR. MELVIN MOJIKON, A.D.K.
PENGARAH
KOLEJ KOMUNITI PENAMPANG



PENGURUSAN TERTINGGI KOLEJ KOMUNITI PENAMPANG



CORINE BINTI AHLAI @ ERIC
TIMBALAN PENGARAH



DR. MELVIN MOJIKON, A.D.K.
PENGARAH



DG NURSHAZANA DAUD
KETUA UNIT
PENGAMBILAN PELAJAR



Ts. GRISHA HENRY WILLIAM
KETUA UNIT
PEMBANGUNAN PELAJAR



SUHAINA BINTI ABD HAMID
KETUA UNIT
PENTADBIRAN & KEW.




TN. RAKIZA TN. MAHMUD
KETUA UNIT
J. KUALITI DAN AKREDITASI



MIMI TUMBALON
PENSYARAH
PSH



NORFADZILATUL ZALEHA
KETUA UNIT
TEKNOLOGI SENIBINA



FEUNA ANASIOUS JOITUN
KETUA UNIT
PENG. PERNIAGAAN



VUN JING SHU
KETUA UNIT
PENGAJIAN AM



Ts. NUR FADHILAH AHMED
KETUA UNIT
TEK. MAKLUMAT & KOM.



NURUL FARHANA RAMLI
KETUA UNIT
PEPERIKSAAN & PENILAIAN



NURHIDAYU BINTI HUSIN
PEG. PERHUBUNGAN
INDUSTRI & ALUMNI



SEJARAH

Kolej Komuniti Penampang Sabah (KKPPG), Kementerian Pendidikan Malaysia adalah Kolej Komuniti ke lapan ditubuhkan di Negeri Sabah. Kolej ini telah disempurnakan perasmianya oleh Yang Berhormat Tan Sri Bernard Gilok Dompok, Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, yang juga Ahli Parlimen P174 Penampang, Sabah pada 2 Mei 2013. Kolej Komuniti Penampang ini telah memulakan pengoperasiannya pada 01 Julai 2013 dengan membuat persiapan dan kerja-kerja awal pengoperasian. Ia terletak di alamat Lot 5-8, Blok B, Wisma Malakun, Jalan Ramayah-Putatan, 89500 Penampang, Sabah. Berkedudukan diantara Pekan Donggongan dan Pekan Putatan. Berdekatan dengan Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu dengan jarak 10 km dan 20 km dari Bandaraya Kota Kinabalu.

Sumber utama penduduk setempat suatu ketika dulu ialah pertanian tetapi pada hari ini tertumpu kepada aktiviti perkhidmatan awam dan swasta, perniagaan, pengangkutan dan pembinaan. Berdasarkan fakta tersebut bertepatanlah dengan kursus yang telah dipilih untuk dilaksanakan di kolej ini iaitu Sijil Pengoperasian Perniagaan dan Sijil Teknologi Senibina. Sehingga kini Kolej Komuniti Penampang telah melahirkan seramai 285 graduan. Parlimen P174 Penampang juga mempunyai keluasan 411.47 km persegi dan mempunyai lebih daripada 130,000 penduduk dengan kadar pertumbuhan purata tahunan sebanyak 4-5 %. Ia dibahagikan kepada dua kawasan ADUN iaitu N19 Keapayan dan N20 Moyog.



VISI

Menjadi peneraju institusi
TVET yang unggul

MISI

Menyediakan akses yang meluas kepada program
TVET berkualiti dan diiktiraf;

Memperkasa komuniti melalui pembelajaran
sepanjang hayat;

Melahirkan graduan holistik, berciri
keusahawanan dan seimbang;

Memanfaatkan sepenuhnya perkongsian pintar dengan
pihak berkepentingan.



NILAI TERAS

1

Kreativiti dan inovasi

Kreatif dan inovatif dalam tindakan dan membuat keputusan secara bijaksana.

2

Integriti

Kualiti unggul dipupuk dan disemai dalam kalangan warga berteraskan prinsip kejujuran, ketulusan, keutuhan, dan amanah dalam setiap tindakan untuk mencapai kecemerlangan diri dan organisasi.

3

Ketangkasan

Kecepatan, kepantasan, kecekapan, dan proaktif dalam tindakan dan tindak balas terhadap perubahan atau pembaharuan di dalam organisasi.

4

Profesionalisme

Berkemampuan atau berkemahiran untuk melaksanakan tugas yang telah diamanahkan sesuai dengan prosedur dan etika kerja.

FALSAFAH PENDIDIKAN

“Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri, serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara”





SEMESTER III PENGOPERASIAN PERNIAGAAN

Program Pengoperasian PERNIAGAAN adalah salah satu program yang membolehkan pelajar mendapat pengetahuan dan kemahiran bukan sahaja secara teori bahkan juga secara amali dalam bidang perakaunan, kewangan dan perniagaan. Dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi itu nanti dapat membantu dan mampu menyediakan pelajar ke alam pekerjaan mahupun melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.



Kata Aluan

KETUA PROGRAM

Salam sejahtera,

Terlebih dahulu saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah atas kejayaan Jawatankuasa Buku Program Unit Sijil Pengoperasian Perniagaan dalam pembikinan buku Program ini. Dengan adanya buku program ini adalah diharapkan ianya menjadi rujukan dan panduan kepada para pelajar dan pensyarah berkenaan Program Pengoperasian Perniagaan.

Salah satu misi Kolej Komuniti adalah untuk melahirkan graduan holistik, berciri keusahawanan dan seimbang. Oleh itu, Program Pengoperasian Perniagaan adalah salah satu program yang membolehkan pelajar mendapat pengetahuan dan kemahiran bukan sahaja secara teori bahkan juga secara amali dalam bidang perakaunan, kewangan dan perniagaan. Dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi itu nanti dapat membantu dan mampu menyediakan pelajar ke alam pekerjaan mahupun melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.

Matlamat utama buku program ini ialah untuk memberikan pelajar maklumat pembelajaran sepanjang dua tahun pengajian mengikut program Sijil Pengoperasian Perniagaan di Kolej Komuniti Penampang. Selain, itu, buku program ini turut menyediakan maklumat-maklumat kursus yang akan diambil setiap semester agar pelajar akan lebih bersedia dan mengetahui prospek kerjaya yang boleh diceburi setelah tamat pengajian nanti.

Feuna Anasius Joitun

Ketua Program
PPPT DH41

Tenaga Pengajar



FEUNA ANASIUS JOITUN
KETUA PROGRAM
PPPT DH41




DG NURSHAZANA DAUD
PENSYARAH
PPPT DH44



NURUL FARHANA RAMLI
PENSYARAH
PPPT DH44



MOHAMED RAFIQ GHAZALI
PENSYARAH
PPPT DH41



HANAFAH ABDUL RAHMAN
PENSYARAH
PPPT DH41



MIMI TUMBALON
PENSYARAH
PPPT DH41



VUN JING SHU
PENSYARAH
PPPT DH48



BUMYAMIN
PENSYARAH
PPPT DH41

SIJIL PENGOPERASIAN PERNIAGAAN

No. Pendaftaran MQA : MQA/FA8068

Kod NEC : 0410

Kod QR (MQR):



Sijil Akreditasi :



Tahap / Mod Pengajian: 3 / Sepenuh Masa

Prospek Kerja

Program ini menyediakan pelajar dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran dalam bidang pengoperasian perniagaan. Graduan program ini akan memulakan kerjaya sebagai penyelia dalam bidang:

- | | |
|-----------------|-------------------|
| a. Perniagaan | f. Pengurusan |
| b. Keusahawanan | g. Peruncitan |
| c. Pemasaran | h. Sumber Manusia |
| d. Jualan | i. Kewangan |
| e. Pentadbiran | j. Logistik |

Struktur Penilaian

Struktur penilaian program di Kolej Komuniti Penampang adalah seperti berikut;

Bil	Program	Penilaian
1	Sijil Pengoperasian Perniagaan	Pentaksiran Berterusan
		Penilaian Akhir

Sistem Gred

Semua markah yang diperolehi oleh pelajar bagi sesuatu kursus / LA akan dinyatakan dalam bentuk gred seperti Jadual dibawah:

Markah	Gred	Nilai Mata	Status
90-100	A+	4.00	Sangat Cemerlang
80-89	A	4.00	Cemerlang
75-79	A-	3.67	Kepujian
70-74	B+	3.33	
65-69	B	3.00	
60-64	B-	2.67	Baik
55-59	C+	2.33	
50-54	C-	2.00	
47-49	C	1.67	Lulus Bersyarat
44-46	D+	1.33	
40-43	D	1.00	
0-39	F	0.00	Gagal

HALA TUJU PENDIDIKAN

Kedoktoran (Tahap 8)

Kolej dan Universiti Awam
Kolej dan Universiti Swasta

Sarjana (Tahap 7)

Sarjana Muda (Tahap 6)

Politeknik
Kolej dan Universiti Awam
Kolej dan Universiti Swasta

Diploma (Tahap 4)

Sijil (Tahap 3)



Sijil Pelajaran Malaysia
(SPM)

MATLAMAT PROGRAM


OBJEKTIF PENDIDIKAN PROGRAM (PEO)

- PEO1** : mengaplikasikan teori asas dan pengetahuan praktikal dalam perniagaan selari dengan keperluan dan perkembangan teknologi semasa.
- PEO2** : menunjukkan kemahiran keusahawanan dan asas operasi perniagaan yang berkaitan dalam pelbagai organisasi.
- PEO3** : mengaplikasikan asas teknologi digital dan kemahiran pengiraan untuk menyokong fungsi perniagaan.
- PEO4** : menunjukkan kemahiran kerja berpasukan, komunikasi dan interpersonal serta sikap bertanggungjawab dalam kemajuan kerjaya.
- PEO5** : mengaplikasikan kemahiran sendiri secara berterusan dan etika profesionalisme dalam persekitaran pekerjaan dan sosial.

MATLAMAT PEMBELAJARAN PROGRAM (PLO)

Di akhir pembelajaran, pelajar akan boleh:

- PLO1** : menerangkan pengetahuan asas berdasarkan fakta, konsep, prinsip dan teori dalam mengurus aktiviti perniagaan.
- PLO2** : mengaplikasikan pengetahuan asas perniagaan untuk menyelesaikan masalah dalam mengendalikan aktiviti perniagaan.
- PLO3** : menunjukkan kemahiran teknikal di dalam organisasi yang berbeza.
- PLO4** : menunjukkan kebolehan berinteraksi secara berkesan untuk membina hubungan baik dalam menguruskan aktiviti perniagaan.
- PLO5** : mengamalkan kemahiran komunikasi secara berkesan dengan rakan sekerja, majikan serta komuniti.
- PLO6** : mengaplikasikan teknologi digital yang berkaitan dalam menguruskan aktiviti perniagaan.
- PLO7** : mentafsir data grafik dan berangka menggunakan peralatan yang sesuai.
- PLO8** : mengamalkan kemahiran kepimpinan dalam mengurus pasukan dan bertanggungjawab dalam organisasi.

- 
- PLO9** : membina kemahiran sendiri untuk pembangunan diri dan perkembangan kerjaya.
- PLO10** : Menunjukkan pengetahuan dan kemahiran asas keusahawanan dalam aktiviti perniagaan.
- PLO11** : mengamalkan sikap profesionalisme, positif dan nilai beretika dalam penglibatan aktiviti kemasyarakatan dan pihak berkepentingan.

STRUKTUR KURSUS

SIJIL PENGOPERASIAN PERNIAGAAN

STRUKTUR KURIKULUM

KOD	KURSUS	PRA SYARAT	JAM KREDIT
SEMESTER 1 (SEMESTER PANJANG)			
MPU11012	Pengajian Malaysia		2
SUE10011	Communicative English		1
SPP10153	Prinsip Pemasaran		3
SPP10163	Asas Pengurusan		3
SPP10173	Matematik Perniagaan		3
SPP10183	Pembangunan Perniagaan		3
SPP10193	Aplikasi Komputer Perniagaan		3
JUMLAH JAM KREDIT			18
SEMESTER 2 (SEMESTER PANJANG)			
SUE20021	Workplace English		1
MPU13012	Pendidikan Islam		2
MPU13022	Pendidikan Moral		
SPP20203	Mikroekonomi		3
SPP20213	Prinsip Perakaunan		3
SPP20223	Keusahawanan Digital		3
SPP20233	Etika Perniagaan		3
SPP20243	Asas Komunikasi Perniagaan		3
JUMLAH JAM KREDIT			18
SEMESTER 3 (SEMESTER PANJANG)			
SPP30253	Pengurusan Sumber Manusia		3
SPP30263	Makroekonomi		3
SPP30273	Pengurusan Proses Perniagaan		3
SPP30283	Perniagaan Antarabangsa		3
SPP30293	Pengurusan Sistem Maklumat		3
SPP30303	Statistik		3
JUMLAH JAM KREDIT			18
SEMESTER 4			
SUT40056	LATIHAN INDUSTRI (LI)		6
JUMLAH KESELURUHAN JAM KREDIT			60

MAKLUMAT KURSUS

SIJIL PENGOPERASIAN PERNIAGAAN

NAMA : PRINSIP PEMASARAN
KOD KURSUS : SPP10153

Hasil Pembelajaran :

CLO1 : Menerangkan konsep dan elemen asas dalam pemasaran.
(C2 , PLO 1)

CLO2 : Membina bahan promosi secara tradisional dengan menggunakan aplikasi yang sesuai.
(P2 , PLO 6)

CLO3 : Melatih strategi campuran pemasaran dalam memasarkan sesuatu produk atau perkhidmatan.
(A2 , PLO 9)

Sinopsis :

Prinsip Pemasaran memberikan pengetahuan kepada pelajar tentang prinsip asas pemasaran. Kursus ini menekankan kefahaman berkenaan persekitaran pemasaran, gelagat pengguna dan campuran pemasaran yang merupakan asas kepada pengoperasian sesuatu perniagaan.

Kaedah Penilaian : Penilaian Berterusan (70%) Penilaian Akhir (30%)

Bahasa Penghantar : Bahasa Malaysia

NAMA : ASAS PENGURUSAN
KOD KURSUS : SPP10163

Hasil Pembelajaran :

CLO1 : Menerangkan teori dan konsep asas pengurusan dalam pengoperasian perniagaan.
(C2 , PLO 1)

CLO2: Mempraktikkan kemahiran fungsi pengurusan secara harmoni bagi mencapai matlamat organisasi
(A2 , PLO 8)

CLO3: Menunjukkan sikap beretika dan profesional dalam menyelesaikan isu-isu pengoperasian perniagaan bagi mewujudkan persekitaran kerja organisasi yang lestari.
(A3 , PLO 11)

Sinopsis :

Kursus Asas Pengurusan ini memberi pengetahuan asas kepada pelajar berkenaan konsep dan fungsi asas pengurusan yang merangkumi perancangan, pengorganisasian, kepimpinan dan kawalan dalam pengurusan pengoperasian perniagaan. Pelajar juga diberi pendedahan berkenaan asas pengurusan strategik bagi membolehkan pelajar memahami fungsi pengurusan dalam mencapai matlamat organisasi.

Kaedah Penilaian : Penilaian Berterusan (70%) Penilaian Akhir (30%)

Bahasa Penghantar : Bahasa Malaysia

NAMA : MATEMATIK PERNIAGAAN
KOD KURSUS : SPP10173

Hasil Pembelajaran :

CLO1 : Menerangkan konsep dan formula matematik perniagaan dalam menyelesaikan masalah perniagaan.
(C2 , PLO 1)

CLO2: Mengaplikasikan konsep dan formula matematik dalam menyelesaikan isu pengurusan perniagaan
(C3 , PLO 2)

CLO3: Menunjukkan kemahiran pengiraan matematik perniagaan dalam menyelesaikan masalah perniagaan seharian
(P3 , PLO 5)

Sinopsis :

Matematik Perniagaan memdedahkan pelajar dengan konsep asas matematik dan penyelesaian masalah pengurusan perniagaan melalui kaedah kuantitatif.

Kaedah Penilaian : Penilaian Berterusan (70%) Penilaian Akhir (30%)

Bahasa Penghantar : Bahasa Malaysia

NAMA : PEMBANGUNAN PERNIAGAAN
KOD KURSUS : SPP10183

Hasil Pembelajaran :

CLO1 : Menerangkan teori asas permulaan perniagaan sebagai amalan terbaik dalam pembukaan sesebuah perniagaan.
(C2 , PLO 10)

CLO2: Menyediakan model perniagaan yang bersesuaian setelah proses penjaan idea secara kreatif dan inovatif dalam merancang perniagaan
(P2 , PLO 3)

CLO3: Melaksanakan aktiviti perniagaan secara berkumpulan dalam proses merealisasikan projek keusahawanan sebenar.
(A2 , PLO 8)

Sinopsis :

Kursus Pembangunan Perniagaan bertujuan memberi bimbingan untuk mengenal pasti matlamat perniagaan dan persediaan menjadi usahawan. Pelajar mempelajari panduan tatacara pendaftaran perniagaan dan perlindungan hak milik produk sebelum melaksanakan perniagaan sebenar. Pelajar diberikan pendedahan menyediakan model perniagaan untuk dijadikan panduan gambaran perniagaan yang akan dilaksanakan

Kaedah Penilaian : Penilaian Berterusan (70%) Penilaian Akhir (30%)

Bahasa Penghantar : Bahasa Malaysia

NAMA: APLIKASI KOMPUTER
PERNIAGAAN
KOD KURSUS : SPP10193

Hasil Pembelajaran :

CLO1 : menghasilkan dokumen perniagaan menggunakan perisian aplikasi komputer.
 (P3 , PLO 3)

CLO2: menunjukkan kemahiran teknologi digital yang berkaitan dalam pengurusan aktiviti perniagaan.
 (P4, PLO 6)

CLO3: menunjukkan kemahiran pengurusan maklumat perniagaan dalam aktiviti perniagaan.
 (A2 , PLO 9)

Sinopsis :

Kursus Aplikasi Komputer Perniagaan memberi pendedahan tentang pengetahuan aplikasi komputer dan mempraktikkan penggunaan aplikasi digital yang sesuai dan tertib bagi melaksanakan aktiviti harian dalam persekitaran perniagaan. Pelajar akan diberi latihan praktikal kaedah yang betul untuk menggunakan aplikasi yang betul bagi membina asas penggunaan aplikasi komputer dan digital. Pelajar juga akan didedahkan kepada perisian digital dalam melaksanakan aktiviti perniagaan dan mengurus maklumat perniagaan.

Kaedah Penilaian : Penilaian Berterusan (70%) Penilaian Akhir (30%)

Bahasa Penghantar : Bahasa Malaysia

NAMA : MIKROEKONOMI
KOD KURSUS : SPP20203

Hasil Pembelajaran :

CLO1 : Menerangkan teori dan konsep asas pengurusan dalam pengoperasian perniagaan.
 (C2 , PLO 1)

CLO2: Menghuraikan kesan perubahan keseimbangan pasaran dalam perniagaan
 (A2 , PLO 3)

CLO3: Menunjukkan kemahiran keusahawanan untuk memproses maklumat ekonomi dalam perniagaan.
 (A3 , PLO 10)

Sinopsis :

Mikroekonomi menerangkan tentang konsep dan teori asas ekonomi serta permasalahannya. Penekanan kursus ini adalah terhadap pengetahuan dan pemahaman tentang teori permintaan, penawaran, keseimbangan pasaran, pengeluaran dan kos pengeluaran. Selain itu, kursus ini memberi pendedahan kepada pelajar dalam menentukan kecekapan pasaran dan kesan campur tangan kerajaan dalam pasaran.

Kaedah Penilaian : Penilaian Berterusan (70%) Penilaian Akhir (30%)

Bahasa Penghantar : Bahasa Malaysia

NAMA : PRINSIP PERAKAUNAN
KOD KURSUS : SPP20213

Hasil Pembelajaran :

CLO1 : Menerangkan prinsip dan kitaran perakaunan yang lengkap mengikut Piawaian Perakaunan Malaysia.
 (C2 , PLO 2)

CLO2 : Menunjukkan proses merekod transaksi perakaunan mengikut Piawaian Perakaunan Malaysia
 (C3 , PLO 7)

CLO3 : Melaksanakan pelaporan penyata kewangan yang lengkap mengikut Piawaian Perakaunan Malaysia
 (A2 , PLO 8)

Sinopsis :

Kursus Prinsip Perakaunan ini memberi pendedahan kepada pelajar mengenai prinsip dan kitaran perakaunan yang lengkap mengikut piawaian perakaunan di Malaysia. Ia merangkumi proses merekod transaksi perniagaan dan menyediakan laporan penyata kewangan perniagaan. Di topik akhir kursus, pelajar diberi pendedahan untuk mentafsir data kewangan bagi membantu dalam membuat keputusan perniagaan.

Kaedah Penilaian : Penilaian Berterusan (70%) Penilaian Akhir (30%)

Bahasa Penghantar : Bahasa Malaysia

NAMA : KEUSAHAWANAN DIGITAL
KOD KURSUS : SPP20223

Hasil Pembelajaran :

CLO1 : Mengenalpasti konsep dan isu -isu dalam keusahawanan digital pada masa kini.
 (A2 , PLO 10)

CLO2 : Membangunkan medium keusahawanan digital melalui media sosial dan laman sesawang untuk menjalankan perniagaan.
 (P3 , PLO 3)

CLO3 : Menunjukkan kemahiran digital dalam menguruskan aktiviti perniagaan.
 (P3 , PLO 6)

Sinopsis :

Kursus Keusahawanan Digital direkabentuk untuk menyediakan pelajar dengan kemahiran dan pengetahuan dalam teknologi digital. Kemahiran ini merangkumi bidang perniagaan dan pemasaran digital melalui e-dagang, media sosial dan laman sesawang. Ini membantu pelajar untuk memahami peranan pendigitalan di dalam perniagaan serta berguna untuk memenuhi keperluan kerja di industri.

Kaedah Penilaian : Penilaian Berterusan (60%) Penilaian Akhir (40%)

Bahasa Penghantar : Bahasa Malaysia

NAMA : ETIKA PERNIAGAAN
KOD KURSUS : SPP20233

Hasil Pembelajaran :

CLO1 : Menerangkan konsep dan teori etika perniagaan yang perlu diterapkan dalam pengoperasian perniagaan. (C2 , PLO 2)

CLO2: Menunjukkan kebolehan interaksi dan hubungan baik dalam pasukan secara efektif dalam mengamalkan etika kerja perniagaan. (A2 , PLO 4)

CLO3: Mempraktikkan sikap beretika dan profesionalisme dalam tadbir urus dan tanggungjawab sosial korporat sesebuah perniagaan. (A3 , PLO 11)

Sinopsis :

Kursus Etika Perniagaan mendedahkan pelajar mengenai konsep teori etika dan moral dalam perniagaan serta nilai kerja dan tanggungjawab seorang pekerja, majikan atau pemilik perniagaan itu sendiri. Kursus ini juga mendedahkan pelajar berkenaan urustadbir korporat dan tanggungjawab sosial dalam perniagaan yang akan membantu pelajar untuk memahami konsep etika dalam dunia pekerjaan sebenar.

Kaedah Penilaian : Penilaian Berterusan (70%) Penilaian Akhir (30%)

Bahasa Penghantar : Bahasa Malaysia

NAMA : ASAS KOMUNIKASI PERNIAGAAN
KOD KURSUS : SPP20243

Hasil Pembelajaran :

CLO1 : Menerangkan prinsip asas komunikasi berkesan dalam perniagaan (C2 , PLO 2)

CLO2: Mempamerkan kemahiran komunikasi secara verbal dan non verbal dalam urusan perniagaan (P3 , PLO 3)

CLO3: Membentangkan ciri-ciri komunikasi berkesan dan masalah dalam melaksanakannya dalam urusan perniagaan (A2 , PLO 5)

Sinopsis :

Asas Komunikasi Perniagaan direkabentuk bagi membolehkan pelajar memahami dan mengamalkan prinsip komunikasi secara verbal dan bukan verbal yang berkesan dalam dunia perniagaan. Kursus ini turut membincangkan tren teknologi komunikasi yang semakin pesat dalam mencapai matlamat perniagaan.

Kaedah Penilaian : Penilaian Berterusan (70%) Penilaian Akhir (30%)

Bahasa Penghantar : Bahasa Malaysia

NAMA : PENGURUSAN SUMBER MANUSIA
KOD KURSUS : SPP30253

Hasil Pembelajaran :

CLO1 : Menerangkan prinsip, konsep asas dan pendekatan yang terpakai dalam pengurusan sumber manusia dalam sesebuah organisasi (C2 , PLO 1)

CLO2: Menunjukkan kemahiran menyelesaikan isu-isu pengurusan sumber manusia dalam sesebuah organisasi (P3 , PLO 3)

CLO3: Membincangkan prosedur, kaedah dan proses pengurusan sumber manusia dalam sesebuah organisasi. (A2 , PLO 4)

Sinopsis :

Pengurusan Sumber Manusia memberi pendedahan kepada pelajar mengenai prinsip, konsep dan pendekatan pengurusan sumber manusia di dalam organisasi. Pelajar juga akan diajar berkenaan dengan pengurusan & perancangan sumber manusia, pengambilan dan pemilihan pekerja, latihan, pembangunan dan penilaian prestasi, pampasan dan faedah serta hubungan industri di Malaysia.

Kaedah Penilaian : Penilaian Berterusan (70%) Penilaian Akhir (30%)

Bahasa Penghantar : Bahasa Malaysia

NAMA : MAKROEKONOMI
KOD KURSUS : SPP30263

Hasil Pembelajaran :

CLO1 : Menyatakan konsep dan teori makroekonomi untuk perkembangan ekonomi dalam negara. (C2 , PLO 1)

CLO2: Membincangkan data perkembangan ekonomi dalam menentukan kemajuan ekonomi negara. (C2 , PLO 7)

CLO3: Menunjukan aplikasi dasar makroekonomi dalam operasi perniagaan. (P2 , PLO 3)

Sinopsis :

Kursus ini mendedahkan kepada pelajar peranan sektor ekonomi dalam menentukan pendapatan negara (KDNK), peranan wang dalam ekonomi dan pengiraan pendapatan negara. Kursus ini juga memberikan maklumat mengenai kepentingan dasar kerajaan dalam mengatasi masalah ekonomi

Kaedah Penilaian : Penilaian Berterusan (70%) Penilaian Akhir (30%)

Bahasa Penghantar : Bahasa Malaysia

NAMA : PENGURUSAN PROSES
PERNIAGAAN
KOD KURSUS : SPP30273

Hasil Pembelajaran :

CLO1 : Menerangkan konsep pengurusan operasi dalam perkhidmatan dan pengeluaran barangan.
(C2 , PLO 1)

CLO2: Menunjukkan pengiraan menggunakan pelbagai teknik kuantitatif secara digital dalam pengurusan operasi untuk mencapai keputusan yang optimum.
(P2 , PLO 6)

CLO3: Membentangkan solusi dalam permasalahan pengurusan operasi untuk mencapai keputusan yang optimum.
(A2 , PLO 5)

Sinopsis :

Kursus ini direkabentuk supaya pelajar memahami proses yang menghubungkan pengeluaran barangan dan perkhidmatan melalui penukaran input kepada pengeluaran. Pelajar diberi pendedahan kepada proses pemilihan lokasi, susun atur, proses dan pengurusan inventori bagi mencapai keputusan yang optimum

Kaedah Penilaian : Penilaian Berterusan (70%) Penilaian Akhir (30%)

Bahasa Penghantar : Bahasa Malaysia

NAMA : PERNIAGAAN ANTARABANGSA
KOD KURSUS : SPP30283

Hasil Pembelajaran :

CLO1 : Menerangkan persekitaran dan pengurusan dalam perniagaan antarabangsa dari perspektif global.
(C2 , PLO 1)

CLO2: Membincangkan cabaran, peluang dan galakan yang disediakan oleh pihak berkuasa untuk menembusi pasaran antarabangsa.
(A2 , PLO 5)

CLO3: Membentangkan peranan pihak berkuasa dalam menyediakan peluang kepada peniaga untuk memasuki pasaran antarabangsa.
(A2 , PLO 11)

Sinopsis :

Kursus Perniagaan Antarabangsa direka bentuk supaya pelajar memahami konsep asas perniagaan antarabangsa, kepentingan, strategi memasuki perniagaan antarabangsa, cabaran, risiko, perlindungan dan peranan kerajaan dalam menggalakkan peniaga mengembangkan perniagaan di peringkat antarabangsa.

Kaedah Penilaian : Penilaian Berterusan (70%) Penilaian Akhir (30%)

Bahasa Penghantar : Bahasa Malaysia

NAMA : PENGURUSAN SISTEM
MAKLUMAT
KOD KURSUS : SPP30293

Hasil Pembelajaran :

CLO1 : Menerangkan tentang konsep dan teori pengurusan system maklumat dalam operasi perniagaan.
(C2 , PLO 1)

CLO2: Melaporkan tentang penggunaan sistem teknologi maklumat dalam operasi perniagaan.
(P3 , PLO 6)

CLO3: Membentangkan tentang etika dan isu-isu sosial berkaitan sistem maklumat di dalam perniagaan.
(A2 , PLO 11)

Sinopsis :

Kursus Pengurusan Sistem Maklumat mendedahkan pelajar mengenai konsep dan teori pengurusan sistem maklumat dalam operasi perniagaan. Kursus ini menekankan kefahaman tentang sistem maklumat, perkakasan, perisian, rangkaian, keselamatan sistem maklumat dan sistem maklumat dalam organisasi. Pelajar juga akan diajar tentang isu etika dan sosial dalam sistem maklumat.

Kaedah Penilaian : Penilaian Berterusan (70%) Penilaian Akhir (30%)

Bahasa Penghantar : Bahasa Malaysia

NAMA : STATISTIK
KOD KURSUS : SPP30303

Hasil Pembelajaran :

CLO1 : Menerangkan definisi dan istilah yang digunakan dalam statistik.
(C2 , PLO 2)

CLO2: Menunjukkan kemahiran menyelesaikan masalah dengan menggunakan formula dan kaedah pengiraan yang bersesuaian.
(C3 , PLO 7)

CLO3: Membina graf bagi menggambarkan data dalam menyelesaikan masalah statistik.
(P3 , PLO 3)

Sinopsis :

Kursus ini memberi pendedahan kepada pelajar terhadap konsep dan terma-terma berkaitan statistik. Tajuk-tajuk yang dipelajari ialah pengenalan kepada statistik, cara membina taburan kekerapan, ukuran kecenderungan memusat dan ukuran penyebaran. Secara keseluruhannya pelajar akan didedahkan tentang penggunaan serta fungsi statistik dalam perniagaan.

Kaedah Penilaian : Penilaian Berterusan (70%) Penilaian Akhir (30%)

Bahasa Penghantar : Bahasa Malaysia

OBE



PENDIDIKAN BERASASKAN HASIL OUTCOME BASED EDUCATION

Pendekatan pendidikan yang berfokuskan pelajar bagi mencapai hasil pembelajaran yang ditetapkan.
Memfokuskan kepada apa yang pelajar boleh buat selepas mereka diajar sesuatu kemahiran atau pengetahuan.

01

KEJELASAN

CLARITY

Mewujudkan jangkaan yang jelas tentang apa yang perlu dicapai dan diharapkan daripada pelajar

02

KELENTURAN

FLEXIBILITY

Kepelbagaian teknik dan kaedah pengajaran dan penilaian untuk memudahkan pembelajaran pelajar.

Kenapa OBE?

03

PERBANDINGAN

COMPARISON

Keupayaan untuk membandingkan dengan mudah di seluruh institusi membolehkan pelajar bergerak di antara institusi dengan mudah. potensi dan keupayaan seseorang bakal pekerja juga mudah di tentukan.

04

PENGLIBATAN

INVOLVEMENT

Peningkatan penglibatan pelajar dalam aktiviti pembelajaran membolehkan pelajar merasa bertanggungjawab terhadap pembelajaran mereka sendiri.

falsafah OBE





PEMETAAN:

KURSUS DAN HASIL PEMBELAJARAN
PROGRAM



PEMETAAN: KURSUS DAN HASIL PEMBELAJARAN PROGRAM

KOD KURSUS	TAJUK KURSUS	KREDIT	HASIL PEMBELAJARAN PROGRAM										
			PLO1	PLO2	PLO3	PLO4	PLO5	PLO6	PLO7	PLO8	PLO9	PLO10	PLO11
MPU11012	Pengajian Malaysia	2				✓				✓			✓
SUE10011	Communicative English	1				✓	✓						
SPP10153	Prinsip Pemasaran	3	✓						✓			✓	
SPP10163	Asas Pengurusan	3	✓							✓			✓
SPP10173	Matematik Perniagaan	3	✓		✓					✓			
SPP10183	Pembangunan Perniagaan	3			✓					✓		✓	
SPP10193	Aplikasi Komputer Perniagaan	3			✓				✓			✓	
SUE20021	Workplace English	1				✓	✓						
MPU13012	Pendidikan Islam	2								✓	✓		✓
MPU13022	Pendidikan Moral	2								✓	✓		✓
SPP20203	Mikroekonomi	3	✓		✓							✓	
SPP20213	Prinsip Perakaunan	3		✓						✓	✓		
SPP20223	Keusahawanan Digital	3			✓				✓			✓	
SPP20233	Etika Perniagaan	3		✓		✓							✓
SPP20243	Asas Komunikasi Perniagaan	3		✓	✓		✓						
SPP30253	Pengurusan Sumber Manusia	3	✓		✓	✓							
SPP30263	Makroekonomi	3	✓							✓		✓	
SPP30273	Pengurusan Proses Perniagaan	3	✓					✓	✓				
SPP30283	Perniagaan Antarabangsa	3	✓					✓					✓
SPP30293	Pengurusan Sistem Maklumat	3	✓						✓				✓
SPP30303	Statistik	3		✓	✓					✓			
SUT40056	Latihan Industri (LI)	6			✓	✓					✓	✓	✓

PANDUAN BAGI TAKSONOMI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

DOMAIN KOGNITIF					
Tahap					
C1: Mengingat	C2: Memahami	C3: Mengaplikasi	C4: Menganalisis	C5: Menilai	C6: Mencipta
Mendapatkan kembali, mengeluarkan kembali dan mengingat semula pengetahuan yang relevan daripada ingatan jangka panjang.	Membina makna daripada maklumat lisan, tulisan dan grafik melalui menginterpretasi, memberikan contoh, mengklasifikasi, membuat ringkasan, membuat inferens, membanding dan menjelaskan.	Menggunakan prosedur untuk melakukan atau melaksanakan sesuatu.	Memecahkan bahan kepada bahagian kecil, menentukan bagaimana bahagian-bahagian kecil berkait antara satu sama lain dan terhadap struktur atau kegunaan umum melalui perbandingan, menyusun atur dan <i>attributing</i> .	Membuat penilaian berdasarkan kriteria dan piawai melalui semakan dan kritikan.	Menyatukan elemen-elemen untuk membentuk satu gagasan umum yang koheren atau berfungsi: menyusun atur elemen ke bentuk atau struktur baru melalui penjaanaan, perancangan dan penghasilan.
*Menyusun, *Menggariskan, *Melabel, *Menamakan, *Mengenalpasti, *Mengira/Menilai, *Menyenaraikan, *Menyata, *Menunjukkan, *Memilih, *Mendefinisi *Mentakfri, *Membaca, *Menghurai, *Merekod, *Menceritakan	*Membuat kesimpulan, *Mengkaji semula, Menjelas, *Melapor, Menulis semula, *Menganggarkan, *Membezakan, Menghurai, *Mengeskan, *Mengenalpasti, *Mengecam, *Mengkelaskan, *Menunjukkan, *Membincang, *Mengkaji, Menterjemah, *Mempertahankan, *Merumuskan/Meringkaskan, *Menghuraikan dengan kata sendiri, Memberi Contoh	*Menukar/Mengubah/Meminda, *Mengaplikasikan/Menerapkan, *Memanipulasi, Mengajar, *Mengilustrasikan/Menunjuk cara, Menggunakan, *Melaporkan, Menentukan, *Menyelesaikan, Membina, *Menulis, Mentafsirkan, *Memberi/Menyediakan, *Mengurus/Mengatur/ *Menyusun, Menyiasat, *Menterjemah, Melaksana	*Menganalisa, Menyelesaikan, *Menguji, Menghujah, *Membandingkan, *Membezakan, *Mengkritik, Membuat pilihan/Mengutamakan, *Mengkategorikan, *Mengira/Menghitung, *Membahagikan, *Menghubungkan, Menilai, *Memeriksa, Menentukan, *Mempersoalkan, *Mengkaji/Menguji, kaji, *Melakarkan/Menggambarkan, *Menjelaskan/Melakar/ *Mengilustrasikan	*Menilai, *Menginterpretasi, *Meramal, Melampirkan, *Merangka semula, *Memilih, Mengadili, *Menyokong, *Membandingkan, *Mengukur, Mengkritik, *Memutuskan, *Mempertahankan, *Mengkelaskan, *Mengkritik, *Mengadakan, *Membandingkan, *Membenarkan, *Menghujah	*Memasang/Menyatukan, *Menggabungkan, *Mencadangkan, *Mendirikan, Mengumpul, *Merekabentuk, *Mengubahsuai, *Menyusun,

DOMAIN PSIKOMOTOR

Tahap

P1: Imitasi	P2: Manipulasi	P3: Kejituan	P4: Artikulasi	P5: Naturalisasi
Meniru tindakan orang lain; memperhatikan dan mengulang tindakan	Menghasilkan semula kegiatan dari arahan atau ingatan	Melaksanakan kemahiran dengan pasti tanpa pertolongan	Menyesuai dan menyatupadukan kepakaran untuk mencapai objektif yang bukan standard	Menguasai secara automatik dan tidak disedari aktiviti kemahiran berkaitan dengan peringkat strategik
<ul style="list-style-type: none"> * Menghubungkan * Menyalin * Mengulangi * Memilih * Memisahkan * Mengikut * Menunjukkan * Mengenalpasti 	<ul style="list-style-type: none"> * Menunjukkan * Menyalin * Menjejak/Menyurih * Melakukan * Melaksanakan * Memula * Tanggapan/Memberi respon * Bertindak balas * Membina semula 	<ul style="list-style-type: none"> * Memasang/Mencantumkan * Mengorganisasi/Mengatur /Menyusun/ Merancang * Membina * Menentukur * Sempurnakan * Mengawal * Mengukur * Menunjukcara * Melengkapkan * Melaksanakan 	<ul style="list-style-type: none"> * Mengubahsuai * Menguasai * Membangun * Merumus * Menyesuai * Menyelaras * Menggabung * Mengintegrasikan/Menyatukan * Menyelesaikan 	<ul style="list-style-type: none"> * Menyusun taraf * Merekabentuk * Menguruskan * Mengarang * Mengembangkan/Membangun * Mencipta * Menentukan/Membina

DOMAIN AFEKTIF				
Tahap				
A1: Menerima	A2: Bertindak Balas	A3: Menilai	A4: Mengorganisasi	A5: Menghayati
Kesanggupan untuk menyertai aktiviti dan memberikan perhatian pada suatu rangsangan; mendapat dan mengekalkan perhatian pelajar	Menyertai secara aktif; menunjukkan minat terhadap sesuatu objek, kegiatan atau fenomena; mencari dengan lebih mendalam objek, kegiatan atau fenomena ini	Nilai yang dikaitkan pada suatu objek, aktiviti atau fenomena; berubah dari tahap penerimaan mudah hingga ke tahap iltizam	Membanding dan membezakan, dan menyelesaikan konflik untuk membina system nilai yang kekal; penekanan pada perbandingan dan mensintesiskan nilai	Menerima pakai suatu system nilai untuk jangka masa tertentu yang menyumbang kepada "gaya hidup" tertentu (iaitu mengubah haluan tingkah laku)
<ul style="list-style-type: none"> * Mengesan/Menempatkan * Memberi/Membekal * Menunjukkan/Mengarahkan * Memegang/Mempengaruhi /Mengekal/Berpaut Menjawab/Membalas * Mengenal pasti * Mengikut * Duduk tegak * Memilih * Menamakan 	<ul style="list-style-type: none"> * Melabel * Menjawab * Menjawabkan/Melaksanakan * Menulis * Mempamerkan/ Mempersembahkan/Menunjukkan * Menyesuaikan/Mematuhi/ Mengikut/Selaras * Membantu * Membaca/Menyebut /Menceritakan * Melaporkan * Menyapa/Menegur/ Mengucapkan * Menghadirkan * Menolong/Membantu * Menyusun/Mengkompilasi 	<ul style="list-style-type: none"> * Bekerja/Berkhidmat * Membentuk * Menyertai * Mengikuti * Menjemput * Mewajarkan/Memberi justifikasi * Mengkaji * Menjelaskan * Berkongsi * Mencadangkan * Melengkapkan * Menggambarkan/ Menghuraikan * Membaca * Melaporkan * Membezakan * Memulakan * Memilih 	<ul style="list-style-type: none"> * Memesan * Menghubungkan * Menyatukan/Mensintesiskan * Mengenal pasti * Menyediakan * Mempertahankan * Menyelesaikan * Menyamaratakan * Mengubahsuai * Menyatupadukan/ Mengintegrasikan * Membanding * Menggabungkan * Mengorganisasi/Menetapkan * Mengikuti/Akur * Mengatur/Menyusun * Menjelaskan * Mengubah 	<ul style="list-style-type: none"> * Mempengaruhi * Mencadangkan * Menggunakan * Memenuhi syarat * Menyemak semula * Melayani * Menyelesaikan * Mengubah suai * Mempamerkan * Mengamalkan * Mendengar * Mempersembahkan /Melakukan/Melaksanakan * Bertindak * Menyemak/Mengesahkan * Mendiskriminasi * Menanyakan



MAKLUMAT AM

PEMINDAHAN KREDIT DAN PENGECCUALIAN KURSUS

Rujukan : Garis Panduan Pemindahan Kredit Dan Pengeccualian Kursus Politeknik Dan Kolej Komuniti Edisi 2020

Definisi

Pindah Kredit (Credit Transfer,CT)

Pindah kredit adalah proses memindahkan kredit kursus yang telah diambil oleh pelajar dalam sesuatu program ke program yang lain yang membawa kepada penganugerahan kelayakan yang ditawarkan oleh institusi yang sama atau institusi yang berbeza. Proses ini membolehkan kredit bagi kursus tersebut dikira sebagai sebahagian daripada keperluan kredit untuk bergraduat bagi program tersebut. Pada asasnya, kursus yang boleh dipindah kredit adalah kursus yang setara dengan kursus di program yang sedang diikuti.

Pengeccualian Kursus (Course Exemption,CE)

Pengeccualian kursus adalah proses mengeccualikan seseorang pelajar daripada mengambil kursus dalam program yang diikuti atas sebab-sebab tertentu. Pengeccualian ini tidak menyebabkan pelajar mendapat kredit bagi kursus yang dikeccualikan. Oleh itu, pelajar perlu menggantikan kursus yang dikeccualikan dengan kursus yang lain bagi mencukupkan keperluan kredit untuk bergraduat.

Prosedur Permohonan Pindah Kredit Dan Pengeccualian Kursus Oleh Pelajar


Pelajar telah dimaklumkan oleh Politeknik/Kolej Komuniti mengenai proses permohonan dan syarat-syarat yang berkaitan dengan pindah kredit dan pengeccualian kursus.

Permohonan hendaklah dibuat dalam tempoh **TIGA (3)** Minggu Pertama sesi pengajian.

Pelajar seharusnya mengemukakan dokumen seperti berikut:

- Borang Permohonan Pemindahan Kredit Dan Pengeccualian Kursus.
- Slip keputusan peperiksaan terdahulu yang telah disahkan.
- Salinan pengesahan akreditasi program terdahulu. Status akreditasi program terdahulu boleh disemak melalui portal rasmi *Malaysian Qualification Register* (MQR) di laman sesawang <https://www2.mqa.gov.my/mqr/>.
- Maklumat kursus yang dimohon bagi tujuan pemetaan:
Maklumat kursus tersebut mestilah kursus yang digunapakai pada tahun semasa pelajar bergraduat. Urusan mendapatkan maklumat kursus tersebut adalah **tanggungjawab pelajar**.
- Bagi program di Politeknik dan Kolej Komuniti dokumen tersebut boleh dimohon melalui Unit Jaminan Kualiti Politeknik/Kolej Komuniti.

Pelajar perlu mengemukakan permohonan pindah kredit dan pengeccualian kursus kepada pihak Politeknik/Kolej Komuniti melalui Pegawai yang dilantik oleh Jabatan. Permohonan yang tidak lengkap akan ditolak oleh Politeknik/Kolej Komuniti.



KEMUDAHAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN KOLEJ KOMUNITI PENAMPANG

BILIK KULIAH DAN MAKMAL

TINGKAT 1

Bilik Kuliah 1

Jumlah Meja dan Kerusi
Rangkaian Internet : WiFi

Bilik Kuliah 2

Jumlah Meja dan Kerusi
Rangkaian Internet : WiFi

Makmal Sains dan Matematik

Jumlah Meja dan Kerusi
Rangkaian Internet : WiFi

TINGKAT 2

Bilik Kuliah 3

Jumlah Meja dan Kerusi : 30
Rangkaian Internet : WiFi

Makmal Komputer 1

Dilengkapi dengan 41 unit komputer. Sistem pengoperasian yang digunakan ialah Windows 10. Perisian Adobe Photoshop, MsOffice dan AutoCAD juga disediakan bagi memenuhi kehendak pembelajaran dan pengajaran. Rangkaian Internet dalam bentuk WiFi dan LAN.

Makmal Komputer 2

Dilengkapi dengan 41 unit komputer. Sistem pengoperasian yang digunakan ialah Windows 10. Perisian Adobe Photoshop, MsOffice dan AutoCAD juga disediakan bagi memenuhi kehendak pembelajaran dan pengajaran. Rangkaian Internet dalam bentuk WiFi dan LAN.

Studio Senibina

Studio Senibina ini boleh menempatkan pelajar seramai 30-40 orang dalam satu-satu masa (ianya hanya digunakan oleh pelajar senibina sahaja) mengikut jadual yang telah ditetapkan.

Bilik Persediaan Dan Spray

Ruang ini adalah tempat untuk pelajar membuat persediaan projek, dimana pelajar dapat membuat kerja seperti mengecat, spray dan sebagainya untuk setiap kali projek berkaitan Pdp.

KEMUDAHAN-KEMUDAHAN LAIN

Surau

Pelajar Muslim digalakkan menunaikan solat fardhu secara berjemaah di Surau KKPPG Tingkat 1.

Pelajar diminta membersihkan dan menyusun atur semula kelengkapan solat selepas menggunakannya. Pelajar dilarang menggunakan surau sebagai tempat untuk tidur, lepak dan bersembang-sembang. Tujuan larangan ini adalah bagi menghormati giliran pelajar lain yang ingin menggunakannya.

Mesin Layan Diri (Minuman)

Terdapat satu (1) unit mesin minuman layan diri yang disediakan di ruang luar KKPPG.

Ruang Makan

Terdapat sebuah ruang makan di bahagian bawah KKPPG yang boleh digunakan pelajar.

Tempat Letak Kenderaan

Tempat letak kenderaan yang disediakan disekitar KKPPG adalah terhad. Pelajar bertanggungjawab terhadap keselamatan kenderaan masing-masing.

Penapis air

Penapis air minuman disediakan di dalam *Ruang Makan*.

Capaian Internet di KKPPG

Terdapat capaian Internet tanpa wayar yang boleh diakses pelajar di setiap ruang KKPPG. Pelajar perlu mematuhi peraturan dan penggunaan ketika menggunakan kemudahan tersebut.

Pertanyaan AM

Untuk sebarang Pertanyaan, berikut dilampirkan maklumat untuk dihubungi

No.	Unit	Staf	Telefon (Smbg)
1	Pejabat Am	-	088-760 951
2	Unit Pengambilan Pelajar	Dg Nurshazana Binti Daud	(112)
3	Unit Pembangunan Pelajar	Ts. Grisha Henry William	(113)
4	Unit Peperiksaan dan Penilaian	Nurul Farhana Binti Ramli	(116)
5	Unit Jaminan Kualiti dan Akreditasi	Tuan Rakiza Tuan Mahmud	(119)
6	Unit Teknologi Maklumat dan Komunikasi	Ts. Nur Fadhilah Binti Ahmed	(106)
7	Unit Pengajian Am	Vun Jing Shu	(121)
8	Unit Pembelajaran Sepanjang Hayat	Mimi Tumbalon	(114)
9	Perpustakaan	Mona Arnizah Binti Othman	(107)
10	Unit Perhubungan Industri dan Alumni	Nurhidayu Binti Husin	(115)

Pertanyaan mengenai Program:

(Sijil Pengoperasian Perniagaan)

Nama : Feuna Anasius Joitun
Tempak : Bilik Ketua Program SPP, Tingkat 2, Kolej Komuniti Penampang
Email : feuna@kkpenampang.edu.my
Telefon : 088-760 951 (121)

Masa Perkhidmatan

Bil	Waktu	Waktu Operasi	Waktu Pinjaman/Pembaharuan & Pemulangan Bahan
1	Isnin-Khamis	8:00 am - 5:00 pm	8:30 am - 4:30 pm
2	Jumaat	8:00 am - 11:30 am 2:00 pm - 5:00 pm	
3	Cuti dan Hari Kelepasan Am	Tutup	

Lagu Kolej Komuniti

Seia dan sekata
Penuh ilmu di dada
Bersama mengorak langkah
Membina generasi berjaya
Kitalah penerus alaf wawasan
meningkatkan bakat insan
Kolej Komuniti
Di sini medan menggapai bintang
Terus berbakti dan cemerlang
Bersama menabur jasa
Jiwa 1 Malaysia
Megahmu di mercu jaya
Berbudi menjadi nyata
Kitalah penerus alaf wawasan
meningkatkan bakat insan
Kolej Komuniti
Di sini medan menggapai bintang
Oooo...
Kitalah penerus alaf wawasan
meningkatkan bakat insan
Kolej Komuniti
Di sini medan menggapai bintang
Terus berbakti dan cemerlang